

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	KOMPAUN BUANG SAMPAH 500 : MURAHNYA SEBUAH PENCEMARAN
	SUMBER	HARIAN METRO (17 JUN 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (MINDA)

KOMPAUN BUANG SAMPAH RM500

Murahnya sebuah pencemaran



Bersama
**Dr Muhammad
Heikal Ismail**



KEADAMAN anak sungai yang dipenuhi sampah dan kayu - Gambar hiasan

dikongkong kerap, sistem kutipan tidak teratur, dan tiada tindakan terhadap pembuangan haram, maka sukar untuk mendidik orang ramai supaya mematuhi peraturan. Undang-undang mesti disokong oleh logistik dan komunikasi yang baik.

Sebagai negara yang sedang bercakap tentang ekonomi sirkular, kelestarian dan pelaburan hijau, kita perlu buktikan yang kita serius tentang isu asas seperti pengurusan sampah. Jika tidak, kita bukan sahaja kehilangan kelestarian, tetapi juga kepercayaan awam. Masyarakat akan hilang harapan bila melihat undang-undang tidak menegakkan nilai yang betul. Akhirnya, kita perlu tanya dengan jujur, adakah RM500 cukup untuk menebus pencemaran sungai yang menelan ratusan ribu ringgit untuk dibersihkan?

Oleh itu, kepentingan pembaharuan dasar, penggunaan teknologi hijau serta pembabitn komuniti dalam memastikan sistem pengurusan sisa pepejal negara selari dengan aspirasi Malaysia Madani. Jika tidak, maka harga kebersihan mesti dinaikkan, bukan hanya pada kertas dasar, tetapi pada realiti penguatkuasaan.

**Penulis Pensyarah Kanan
Fakulti Perhutanan dan Alam
Sekitar, Felo Pusat Strategi
dan Perhubungan Korporat
(PSPK), Universiti Putra
Malaysia (UPM)**

P

Denda yang tinggi, jika dikuatkuasakan dengan konsisten dan adil akan mendidik lebih ramai berbanding kempen seribu poster

enanaan sisa pepejal rakyat Malaysia diunjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meningkat sehingga 17.03 juta tan metrik pada 2035 berbanding 15.2 juta tan yang dijana pada tahun ini. Pertambahan populasi, kepesatan urbanisasi, industrialisasi, peningkatan taraf ekonomi serta perubahan gaya hidup rakyat Malaysia dikenal pasti antara faktor utama menyumbang kepada peningkatan janaan sisa pepejal saban tahun. Ini bukan cerita luar negara. Ini Malaysia. Ini halaman rumah kita sendiri. Lebih membimbangkan, perbuatan membuang sampah merata hanya dikenakan denda maksimum RM500, sebagai contohnya di Johor. Sebagai perbandingan, Singapura mengenakan penalti hingga SGD 10,000 (RM35,000) untuk kesalahan pertama dan sehingga SGD 100,000 (RM350,000) untuk kesalahan berulang (NEA Singapore, 2024). Di Korea Selatan, denda pelupusan haram boleh mencecah KRW 100 juta (RM350,000) dan di Tokyo, Jepun, denda harian terhadap pemilik premis boleh mencecah ¥300,000 (RM10,000) (Tokyo Metropolitan Government, 2023).

Nilainya bukan semata-mata tentang wang, tetapi berkaitan isyarat serius kerajaan terhadap kelakuan tidak bertanggungjawab. Kita tidak kekurangan dasar. Malaysia telah mewajibkan pengasingan sisa di punca sejak 2016 di bawah SWM, tetapi pematuhannya masih rendah. Tanpa pengasingan, sisa yang boleh dikitar semula tercemar dan kos rawatan meningkat. Di Korea dan Jepun, pengasingan sisa adalah budaya harian, bahkan pelajar sekolah rendah pun tahu membezakan lima jenis sampah. Di sini, ramai dewasa masih menganggap 'sampah ialah apa-apa yang boleh dilempar dalam satu tong besar'. Kerajaan Johor patut dipuji kerana sekurang-kurangnya cuba menggerakkan denda, tetapi persoalannya, adakah RM500 cukup untuk mengubah tingkah laku? Jika satu pelanggaran hanya dikenakan

penalti serendah ini, apakah isyarat yang kita sampaikan? Bahawa mencemarkan sungai dan jalan awam adalah kesalahan kecil? Bahawa kita boleh bayar dan ulang lagi? Dalam masyarakat bandar yang sudah biasa dengan tong sampah melimpah, parit tersumbat dan plastik di longkang, perubahan tidak boleh bergantung kepada kesedaran semata-mata. Sistem perlu menegakkan norma. Undang-undang yang tegas bukan untuk menghukum tanpa belas, tetapi untuk membentuk tabiat dan rasa tanggungjawab bersama. Denda yang tinggi, jika dikuatkuasakan dengan konsisten dan adil, akan mendidik lebih ramai berbanding kempen seribu poster. Namun, tidak cukup dengan kompaun tinggi. Kita perlukan

sistem yang menyokong pematuhan termasuk lebih banyak tong pengasingan, pusat kitar semula mestra pengguna dan pemantauan digital. Di negara maju, pelaporan awam melalui aplikasi dan kamera pemantau menjadi norma. Di sini, aduan masih bergantung kepada WhatsApp majlis daerah, lambat, tidak direkod dan kadangkala tidak diambil tindakan. Kerajaan tempatan tidak boleh terus bimbang dianggap 'tidak popular' bila mahu tegas. Kebersihan bukan isu kosmetik, ia soal kesihatan, reputasi dan masa depan. Sebuah bandar yang bersih mencerminkan kecekapan pentadbiran. Dan rakyat akan belajar menghargai kebersihan bila sistem tegas, konsisten dan telus. Kita juga tidak boleh terus menyalahkan masyarakat semata-mata. Jika tong tidak

2.	TAJUK	BARANGAN, E-WASTE RM1B DIRAMPAS
	SUMBER	BH (20 JUN 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

Barangan, e-waste RM1b dirampas

PDRM tahan 453 individu dalam Operasi Bersepadu Hazard 2.0 di 9 negeri

Oleh Nor Azizah Mokhtar
hnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 453 individu dan merampas barangan termasuk sisa elektronik (e-waste) bernilai lebih RM1 bilion dalam Operasi Bersepadu Hazard 2.0 yang dijalankan serentak di sembilan negeri bermula 16 Jun lalu.

Operasi berskala besar itu menyasarkan 57 premis di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan, Johor, Terengganu, Sarawak dan Sabah, dengan kekuatan 1,582 pegawai serta anggota pelbagai agensi.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu

Kassim, berkata operasi itu memunculkan kepada sindiket yang melakukan pelbagai kesalahan termasuk pengurusan bahan buangan terjadual secara haram, pelanggaran cukai dan penyalahgunaan permit pekerjaan.

"Daripada 916 pemeriksaan, seramai 453 individu ditahan terdiri daripada 382 lelaki, 70 wanita dan seorang kanak-kanak.

"Daripada jumlah itu, 392 ialah pendatang asing tanpa izin (PATI), 41 warganegara, manakala 20 lagi warga asing berkaitan kesalahan lain," katanya pada sidang media di Bukit Aman, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Hisham Rusli; Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Rosli Zul serta Ketua Penolong Pengarah Bahagian Operasi Bersepadu Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Kebangsaan (NFCC), Mohd Hizar Farhan Abdul Kazi.

Azmi berkata, nilai keseluruhan rampasan mencecah RM1.003 bilion meliputi pelbagai kategori barangan, termasuk sisa e-waste bernilai RM240



Operasi Bersepadu Hazard 2.0 memeriksa 57 premis di sembilan negeri sejak Isnin lalu.

juta, komponen e-waste sebanyak RM182 juta, barang lusuh RM50 juta dan lain-lain rampasan kesalahan lain berjumlah RM32 juta.

Ketirisan hasil cukai

Selain itu, beliau berkata, siasatan LHDN terhadap syarikat berkaitan menganggarkan ketirisan hasil cukai kira-kira

RM500 juta.

Selain itu Azmi berkata, antara rampasan terbesar ialah di kilang tidak berdaftar di Juru, Pulau Pinang yang dipercayai menjalankan pemrosesan e-waste secara haram, namun turut dikenakan menyimpan mercun dan bunga api bernilai RM7 juta tanpa lesen sah.

Beliau berkata, operasi itu di-

gerakkan secara bersepadu dengan 12 agensi kerajaan lain membabitkan kekuatan 1,069 pegawai dan anggota PDRM serta 493 pegawai dari agensi lain termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS), Imigresen, pihak berkuasa tempatan (PBT), LHDN, Kementerian Kesihatan (KKM), kastam, bomba, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan NFCC.

2.	TAJUK	LORI BUANG SISA KIMIA : SUNGAI KAPAR KECHIL JADI KEBIRU-BIRUAN
	SUMBER	HARIAN METRO (20 JUN 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	11 (LOKAL)



LORI BUANG SISA KIMIA

Sungai Kapar Kechil jadi **kebiru-biruan**

Oleh Norzamira Che Noh
ano@hmetro.com.my

Shah Alam

Air Sungai Kapar Kechil di Kampung Perapat, Kapar di sini bertukar warna menjadi kebiru-biruan gelap dipercayai akibat pembuangan sisa kimia menggunakan lori.

EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jamaliah Jamaludin berkata, setakat ini, pihak Lembaga Urus Air Selangor (Luas) sudah melakukan pensampelan air dan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk tindakan lanjut.

Katanya, susulan laporan

yang diterima kelmarin berhubung pencemaran berkenaan, Luas melakukan pemantauan serta semakan di lokasi kejadian.

"Pasukan Luas turut berhubung dengan pengadu serta menjalankan pemeriksaan di kawasan hilir sungai dan mendapati warna air sungai sedikit kebiruan.

"Bagaimanapun, semakan di bahagian hulu sungai ketika siasatan tidak menemui sebarang punca pencemaran.

"Berdasarkan pemerhatian dan maklumat dari-

pada pengadu serta hasil perbincangan di lokasi, kejadian itu disyaki berpunca daripada aktiviti pembuangan secara *one-off* menggunakan lori.

"Sebagai langkah lanjut, pasukan Luas sudah melakukan pensampelan air di lokasi aduan, hulu dan hilir sungai, dan sampel itu dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisis lanjut," katanya.

Beliau berkata, pemantauan susulan juga akan terus dijalankan dari semasa ke semasa di lokasi aduan

bagi memastikan kejadian berkenaan tidak berulang.

"Orang ramai diminta agar sentiasa peka dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan atau insiden pencemaran sumber air kepada pihak berkuasa dengan segera.

"Kerjasama masyarakat amat penting bagi memastikan sungai dan sumber air di Selangor kekal bersih, selamat dan lestari untuk kesejahteraan bersama," katanya.

Terdahulu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semena, Noor Najhan Mohamad Salleh memuat naik gambar di Facebook yang menunjukkan situasi Sungai Kapar Kechil dengan air berwarna gelap.

“Semakan di hulu sungai tidak menemui punca pencemaran”
Jamaliah

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**